

NO. SOALAN: 487

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]**

Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah kementerian sedar mengenai laporan bulanan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 24 Januari 2018 bahawa kenaikan indeks pengangkutan 11.5 peratus merupakan yang tertinggi yang menyumbang kepada kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) pada Disember 2017 berbanding pada Disember 2016, nyatakan penjelasan kementerian berkaitan kenaikan indeks pengangkutan tersebut dan langkah yang diambil kementerian bagi menangani bebanan kos pengangkutan yang ditanggung rakyat.

21

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

2. Indeks Harga Pengguna (IHP) merupakan satu mekanisme yang mengukur perubahan dalam paras harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Peratus perubahan yang diukur melalui pengiraan IHP ini mencerminkan kedudukan inflasi secara keseluruhan di Malaysia.

3. Berdasarkan kepada wajaran bakul perbelanjaan isi rumah yang terkini, kategori **Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (29.5%), Perumahan dan Utiliti (23.8%)** serta **Pengangkutan (14.6%)** menyumbang hampir **70.0%** kepada keseluruhan perubahan inflasi di Malaysia. Dalam hal ini, kategori **Pengangkutan** telah diperincikan kepada 3 subkomponen utama iaitu:

(i) **Pembelian kenderaan;**

(ii) **Pengurusan Alat Pengangkutan Persendirian** yang turut mengambil kira item **Bahan Api dan Pelincir Untuk Pengangkutan Persendirian** seperti harga jualan runcit petrol ron95, ron97 dan diesel; serta

(iii) **Perkhidmatan pengangkutan.**

4. Perubahan inflasi yang diukur melalui peratus perubahan dalam IHP sentiasa dipantau oleh Kementerian pada setiap bulan. Walaupun inflasi dalam kategori **pengangkutan** bertumbuh sebanyak **11.5 peratus** pada **Disember 2017** berbanding **Disember 2016**, prestasi inflasi dalam

kategori ini mula mencatatkan **pertumbuhan negatif** setelah mengalami pertumbuhan positif sejak **Januari 2017**.

5. Inflasi bagi kumpulan ini menyusut kepada **-0.3% (Februari 2018)**, susulan kesan pertumbuhan negatif pada purata harga jualan runcit petrol RON95 kepada **-1.7% (Februari 2018)** daripada bulan sebelumnya. Ini menunjukkan keupayaan Kerajaan mentadbir negara dengan baik tanpa mengabaikan kebajikan rakyat dan terus berusaha untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan kemakmuran negara demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan peningkatan kos sara hidup rakyat pada masa kini. Justeru, pelbagai inisiatif dan program telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan isu peningkatan kos sara hidup rakyat ini dapat dikawal dan membantu meringankan beban rakyat. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- ii. melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** pada musim-musim perayaan utama;
- iii. meneruskan **Program Penyeragaman Harga Barang** perlu bagi membolehkan masyarakat di kawasan pendalaman memperoleh barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, lpg, petrol ron 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;

- iv. menambah baik pelaksanaan **Kedai Rakyat 1Malaysia melalui KR1M 2.0** yang lebih terbuka dan meluas di seluruh malaysia;
- v. menghadkan **kadar faedah maksimum bagi transaksi jualan kredit** kepada 15% setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40% setahun;
- vi. mengadakan **kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** bagi meningkatkan bekalan makanan melalui program-program seperti program stok bekalan makanan, program jualan ikan segar beku (Q-Fish) dan sebagainya;
- vii. mewujudkan **MyFarm Outlet** dengan kerjasama MOA serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membolehkan rakyat memperoleh barangan keperluan makanan pada harga yang berpatutan; dan
- viii. pelbagai lagi inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat.

Selain itu, KPDNKK juga melalui **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC)**, sentiasa memastikan persaingan yang sihat di kalangan pemain industri melalui akta dan perundangan sedia ada bagi memastikan tidak berlaku kegiatan monopoli dan kartel yang memanipulasikan harga bagi menjaga kepentingan para pengguna.

SOALAN : 488

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10738

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perangkaan terkini berhubung dengan jumlah pekerja asing yang berdaftar dan anggaran jumlah pekerja asing yang tidak berdaftar, dan nyatakan sama ada Kerajaan mempunyai dasar bagi menetapkan siling atau kadar maksimum bagi pengambilan pekerja asing mengikut sektor-sektor yang dibenarkan oleh Kerajaan serta impak pengambilan pekerja asing terhadap kadar pengangguran warganegara Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian ini mentakrifkan jumlah pekerja asing yang berdaftar sebagai jumlah pekerja asing yang digajikan secara sah oleh majikan serta memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), masih sah dan aktif seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berdasarkan statistik daripada JIM, sehingga 28 Februari 2018, jumlah pekerja asing yang memegang PLKS adalah seramai 1,758,238 orang. Kementerian ini tidak mempunyai anggaran statistik mengenai jumlah pekerja asing yang berkaitan.

Dasar mengenai perburuhan dan perancangan guna tenaga negara ditentukan dan dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang telah mengambil kira keperluan industri, pasaran graduan, kadar pengangguran dan aspek-aspek lain seperti kadar gaji, kemudahan dan sebagainya. Sektor dan sub sektor tersebut merupakan bidang pekerjaan yang tidak diminati oleh pekerja tempatan dan terbahagi kepada sektor formal dan tidak formal adalah seperti berikut:

- (i) Sektor Formal:**
 - (a) perkilangan;**
 - (b) pembinaan;**
 - (c) pertanian;**
 - (d) perladangan;**

- (e) perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja resort pulau peranginan, hotel, kedi (lelaki), spa, urut kaki, pembantu taman tema haiwan, kargo (pelabuhan dan lapangan terbang);
 - (f) perlombongan yang melibatkan pekerjaan asas; dan
- (ii) Sektor tidak formal iaitu pekhidmat domestik.

Syarat-syarat penggajian pekerja asing amat ketat iaitu permohonan berdasarkan konsep permintaan dan penawaran. Selain itu, kriteria penggajian pekerja asing diselia oleh agensi kawal selia sektor masing-masing yang menentukan keperluan sebenar pekerja oleh majikan dalam sesebuah sektor dan sub-sektor yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memandang serius ke arah mengutamakan penggajian warga tempatan dalam industri pekerjaan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah menetapkan untuk mengehadkan penggajian pekerja asing pada kadar 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020.

Pengambilan pekerja asing tidak mempengaruhi kadar pengangguran warganegara Malaysia kerana kadar pengangguran di Malaysia pada masa kini ialah 3.4% yang ditakrifkan sebagai guna tenaga penuh, iaitu tidak melebihi 4%. Kerajaan juga telah

menjalankan pelbagai inisiatif dalam mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan keutamaan kepada pekerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara seperti berikut:

- (i) menawarkan kekosongan jawatan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu melalui Portal JobsMalaysia sebelum permohonan pekerja asing dibenarkan;
- (ii) mempromosi dan memudah cara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk memberi keutamaan kepada pencari kerja tempatan;
- (iii) menggalakkan sektor-sektor berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iv) memantapkan dasar *Technical and Vocational Educational Training* (TVET) negara untuk warga tempatan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi;
- (v) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme

Industrialised Building System (IBS) dalam sektor pembinaan, restoran berkonsepkan layan diri (*self-service*) dan sebagainya;

- (vi) mempergiatkan lagi pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan; dan
- (vii) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja terutamanya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang melaksanakan kajian mengenai kadar baharu bayaran levi secara progresif mengikut bilangan pekerja asing yang diperlukan oleh majikan. Pelaksanaan mekanisme ini dijangka akan mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing dan menggalakkan peralihan industri ke arah mekanisasi dan automasi.